

04 AUG 1997

Mahathir-Kenyataan

NAWAZ TIDAK MENYEBUT MENGENAI SAMPAH, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 4 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rakan sejawatannya dari Pakistan, Nawaz Sharif tidak menyebut mengenai sampah-sarap di sepanjang Jalan Bukit Bintang di Kuala Lumpur seperti dilaporkan oleh media.

Ketika membuat penjelasan berhubung dengan perkara itu, Dr Mahathir berkata "Saya tidak menyatakan bahawa Nawaz berkata Kuala Lumpur kotor. Beliau (Nawaz) tidak berkata demikian".

Ketika mengulas laporan berita yang memetik beliau sebagai berkata bahawa Nawaz membangkitkan soal itu kepadanya, Dr Mahathir berkata Nawaz memberitahunya bahawa Kuala Lumpur cukup bersih dan tidak seperti dilaporkan.

Ketika ditemui pemberita selepas merasmikan 1997 Langkawi Oshkosh East Fly-In Convention di sini, Dr Mahathir berulang kali berkata bahawa Nawaz tidak menyebut bahawa Kuala Lumpur kotor.

Dr Mahathir berkata: "Beliau (Nawaz) pergi ke Lot 10 dan saya tidak tahu sama ada dia ternampak sampah-sarap tetapi "(Datuk) Tajol (Rosli Ghazali) yang mengiringinya (Nawaz) semasa berjalan dari Lot 10 untuk kembali ke Hotel Regent melihat betapa kotornya jalan itu dan Tajol memberitahu saya bahawa Nawaz mungkin telah melihat bagaimana kotornya jalan berkenaan."

Perdana Menteri berkata "Saya tidak tahu bagaimana lagi hendak menjelaskan tentang perkara ini. Setiap kali saya menyatakan sesuatu, lain yang keluar".

Laporan itu memetik Dr Mahathir sebagai berkata beliau berasa malu mengenai sikap buruk masyarakat yang mengotorkan bandaraya dan mencemarkan imej negara. Beliau mahu tindakan tegas diambil terhadap mereka yang membuang sampah.

Mengenai masalah jerebu, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak menyalahkan sesiapa terutama Indonesia berhubung dengan jerebu yang melanda rantau ini.

Perdana Menteri berkata: "saya berpendapat apa yang berlaku apabila jerebu melanda tahun ini ialah kita tidak mengambil dayausaha menghubungi Indonesia untuk mengetahui apa yang boleh dilakukan".

Beliau berkata ia bukan disebabkan Indonesia kerana "kita tidak memaklumkan mereka."

Menurut Perdana Menteri, sesuatu perlu dilakukan bagi mengatasi jerebu.

"Kita perlu mencari jalan... seperti menggunakan bom air atau cara lain yang boleh digunakan", kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata mekanisme bagi menangani masalah itu (jerebu) telahpun dibincangkan dan ia cuma perlu digerakkan.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata projek lapangan terbang antarabangsa wilayah utara di Kuala Muda, Kedah akan diteruskan walaupun mendapat kritikan daripada pihak antarabangsa.

Ketika mengulas laporan sebuah majalah luar berhubung perkara itu, Dr Mahathir berkata banyak projek besar yang telah dilaksanakan walaupun pihak luar menganggap Malaysia tidak boleh menjayakannya.

"Jika mengikut pandangan antarabangsa, hari ini kita dok menoreh getah, tidak boleh memasuki projek industrialisasi, tidak boleh itu, tidak boleh ini," katanya.

Terdahulu, dalam ucapan perasmian, Dr Mahathir berkata Malaysia berhasrat untuk mendirikan industri kapal terbang dan mengeluarkan pesawat penumpang pada masa depan.

"Untuk merealisasikannya, kita perlu merangsangkan minat di kalangan rakyat Malaysia dalam industri berkenaan dan mengetahui cara bagi memandu pesawat ringan dan penyelenggaraannya, rekabentuk serta pengeluarannya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata langkah ini boleh menghasilkan pelaburan dalam industri pembuatan pesawat, pengeluaran komponen, bahan dan kejuruteraan.

"Ada kecenderungan di Malaysia bagi sesuatu untuk berkembang, daripada projek kecil kepada projek besar. Melalui rekabentuk, apa sahaja yang dilancarkan boleh mencapai kejayaan", kata beliau.

Menurut Dr Mahathir, sebenarnya memandu kapal terbang tidak berbahaya jika kira memberi tumpuan berbanding dengan memandu di lebuhraya".

Beliau berkata rakyat Malaysia yang berminat untuk memandu pesawat harus mengamalkan budaya khas dengan memberi tumpuan tentang bagaimana untuk menyelenggara, membina dan menerbangkannya.

"Tujuannya bukan sahaja untuk merangsangkan minat dalam bidang itu tetapi lebih daripada itu. Kita mahu meningkatkan pemahaman tentang bagaimana ia direkabentuk, kawalan udara. Rakyat Malaysia perlu mempelajari semua ini supaya kita tidak ketinggalan," kata beliau.

Dr Mahathir kemudian menaiki pesawat Cessna milik Kelab Penerbangan Kedah yang dipandu oleh Kapt Tarmizi Ramli untuk meninjau pemandangan Padang Matsirat dari udara.

Dr Mahathir selepas itu menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman antara MYHH Hobby Centre Sdn Bhd dan O.K Model Company of Osaka, Jepun bagi membina model kapal terbang di Kedah.

MYHH diwakili oleh pengarah urusannya Haji Mohamad Yusof Hassan sementara O.K diwakili oleh Naib Presidennya Tom Takamatsu.

Langkawi Osh Kosh East Fly-In convention dan pameran itu ialah anjuran Le Proton Lima Sdn Bhd.

Kira-kira 60 pesawat ringan dipamerkan pada pameran itu termasuk Cessna, Merlin GT, Zodiac dan Eagle X-TS buatan Malaysia. -- BERNAMA
NH FAZ